

11/05/2004

Rakan kongsi asing Proton bukan untuk suntikan dana

By Nur Lina Rasol

LANGKAH Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton) mencari rakan kongsi asing bukan mahu mendapatkan suntikan dana, tetapi bertujuan menjalinkan hubungan kerjasama dari aspek teknologi dan rangkaian pemasaran.

Penasihat Proton, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata ini kerana pengeluar kereta nasional itu mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan tidak memerlukan sebarang suntikan dana.

"Wang bukanlah masalah, kalau mereka (rakan kongsi asing) mahu terbabit dengan Proton, selain duit mereka boleh sumbangkan perkara lain seperti teknologi, pemasaran, rangkaian pengedaran, pembekal dan sebagainya," katanya.

Bekas Perdana Menteri itu berkata demikian selepas melancarkan majalah terbitan Proton, GUTS, di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya, semalam.

Turut hadir isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Dalam Negeri, Datuk Azmi Khalid dan Ketua Eksekutif Proton, Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff.

Kandungan majalah GUTS meliputi pelbagai kegiatan Proton di dalam dan luar negara termasuk berita mengenai kemudahan penyelidikan dan pembangunan terkini, pencapaian terbaru, personaliti dan pembentukan kerjasama strategik.

Dr Mahathir berkata, dalam mengadakan kerjasama strategik, Proton akan memastikan ia memegang majoriti utama kerana ia dapat menjamin syarikat terus menghasilkan kereta nasional.

Beliau berkata, Proton kini sedang berbincang dengan beberapa rakan kongsi yang berpotensi dan dalam proses menilai calon yang benar-benar sesuai dengan kriteria yang ditetapkan.

"Tidak perlu terburu-buru kerana jika tidak berhati-hati, kita mungkin silap membuat pilihan dan ia mungkin menimbulkan masalah yang lebih besar lagi," katanya.

Dr Mahathir berkata, rakan kongsi yang dicari Proton tidak semestinya syarikat besar dan kukuh kewangannya kerana syarikat berkenaan tidak semestinya mempunyai teknologi yang tinggi.

"Proton mempunyai pilihan untuk memilih rakan kongsi yang terbaik kerana ia adalah sebuah syarikat yang kukuh dan bukannya yang hampir mati," katanya.

Mengenai sejauh mana perbincangan antara Proton dan rakan kongsi asing yang berpotensi itu, Dr Mahathir berkata, ia hampir selesai, jika tidak mereka tidak akan berbincang.

Ditanya mengenai tempoh yang diperlukan untuk memuktamadkan perbincangan itu, beliau berkata, ia diharapkan dapat diselesaikan akhir tahun ini.

"Namun Proton sentiasa menerima cadangan baru dan akan membuat pilihan terbaik," katanya.

Mengulas mengenai budaya prestasi syarikat berkaitan kerajaan, Dr Mahathir berkata, Proton ialah antara syarikat terbabit yang mempamerkan prestasi cemerlang.

"Tidak seperti beberapa syarikat berkaitan kerajaan lain yang sering meminta bantuan kerajaan, Proton membina kilang barunya di Tanjung Malim dengan dana sendiri.

"Tanpa suntikan daripada kerajaan, Proton kini mempunyai dana RM2.6 bilion yang boleh digunakan untuk pelbagai tujuan seperti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan mengembangkan keupayaan pengeluaran," katanya.

(END)

